

RESIT AMANAH

KEPADA:

UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

DOKUMEN-DOKUMEN PERKAPALAN DIHANTAR KEPADA		NO. RESIT AMANAH (T/R)	NO. SURAT KREDIT(L/C)/ BIL KOLEKSI (IBC)	TEMPOH TAMAT
		MENGANDUNGI BARANGAN YANG DINYATAKAN DI BAWAH UNTUK AMAUN:		
NO. AKAUN		MATA WANG ASING	KADAR PERTUKARAN	MATA WANG TEMPATAN
TANDA & PAKEJ	KUANTITI	HURAIAN BARANGAN		
		BUTIRAN PERKAPALAN		

Tuan

Dalam mempertimbangkan penghantaran dokumen Perkapalan untuk hak milik kepada kami (berhubung dengan barangan dinyatakan di atas yang dijanjikan untuk anda), pada terma di mana dokumen dan barangan tersebut adalah berkaitan dan hasil jualan adalah dipegang oleh kami sebagai amanah kepada anda, kami BERJANJI DAN BERSETUJU seperti berikut:-

- Kami akan membayar anda Ringgit Malaysia (RM) untuk wang di mana dokumen dan barangan yang dinyatakan di atas telah dijanjikan tidak lewat daripada ("tarikh matang") bersama dengan faedah pada kadar peratus (.....%) di atas Kadar Pinjaman Asas tahunan anda ("Kadar Tertentu") dari tarikh pendahuluan sehingga pembayaran, bersama dengan semua kos, caj, cukai, levi dan perbelanjaan.
- Untuk menerima barangan berhubung dengan dokumen ("Barangan") secara eksklusif bagi tujuan menjulkannya untuk anda kepada pembeli di mana kami tidak berhutang atau berada di bawah sebarang liabiliti. Kami mengakui bahawa kami memegang Barangan tersebut mengikut perintah anda, tetapi kami akan menanggung semua risiko dan perbelanjaan.
- Untuk melabuh, menyimpan dan memegang Barangan tersebut bagi pihak anda dan sebagai Agen dan Baili, untuk mengendalikannya sebagai hak milik anda. Anda mempunyai hak untuk memeriksa Barangan tersebut pada bila-bila masa.
- Pada penjualan semua atau mana-mana Barangan, untuk membayar keseluruhan hasil jualan atau mana-mana bahagian daripadanya dengan serta-merta apabila diterima kepada anda tanpa sebarang penyelesaian atau penolakan, dan tanpa mencampurkannya dengan wang lain. Kami memberi kuasa secara muktamad kepada anda untuk menerima wang pembelian Barangan daripada pembeli, dan pada masa yang sama kami akan memegang yang sama dan semua hak kami terhadap pembeli akan dipegang dalam amanah bagi anda.
- Tidak akan menjual atau sebaliknya melupuskan mana-mana Barangan pada terma tertunda (selain daripada kredit perdagangan lazim), atau untuk sebarang pertimbangan tanpa wang, atau untuk kurang daripada harga pasaran semasa, tanpa kelulusan bertulis terdahulu anda.
- Menginsuranskan Barangan terhadap semua risiko boleh insurans pada setiap masa, termasuk kebakaran dan banjir, pada nilai penuh, dan untuk memegang polisi serta hasil dalam amanah bagi anda. Jika berlaku kes kerugian atau kerosakan kepada Barangan, untuk membayar dengan serta-merta kepada anda semua wang yang diterima dari syarikat insurans atau sebaliknya berhubung dengan kerugian atau kerosakan tersebut, dan membayar sebarang baki kekurangan. Barangan tersebut adalah pada risiko kami.
- Untuk membayar semua caj kargo, gudang, dermaga, transit, dan caj lain, sewa dan semua kos lain berkaitan dengan dan sampingan kepada Barangan tersebut, dan melindungi anda dengan yang sama.
- Untuk menyimpan Barangan tersebut pada setiap masa berasingan daripada keluaran atau barangan lain, sama ada ia dimiliki oleh kami atau individu lain.
- Untuk menasihatkan anda mengenai lokasi Barangan pada setiap masa, dan tidak membenarkan yang sama untuk diproses atau diubah tanpa persetujuan bertulis terdahulu anda.
- Untuk menghantar dengan serta-merta kepada anda salinan invoice jualan kami untuk Barangan tersebut apabila yang sama dikeluarkan menunjukkan nama pembeli dan jumlah harga jualan.
- Untuk menasihatkan anda mengenai sebarang pertukaran dalam keadaan, kualiti atau kuantiti Barangan, dan untuk menyimpan Barangan serta prosid jualan bebas daripada sebarang cagar, caj, perjanjian, lien, atau halangan yang lain.
- Untuk memulangkan kepada anda semua dokumen perkapalan / dokumen hak milik dan Barangan yang diwakili di mana anda belum terima prosid pada masa itu jika diminta oleh anda. Kami memberi kuasa secara muktamad kepada anda, pekerja atau agen anda untuk memasuki gudang kami atau kawasan lain di mana Barangan mungkin ditempatkan bagi tujuan pengambilan atau pemeriksaan Barangan, dan kami bersetuju bahawa anda pada bila-bila masa selepas pengambilan, dan tanpa notis kepada kami, menjual Barangan tersebut dalam cara dan harga tertentu yang anda anggap sesuai, dan menggunakan prosid bersih jualan untuk atau terhadap penyelesaian amaun yang kami berhutang kepada anda pada masa itu.
- Anda tidak akan bertanggungjawab ke atas ketepatan, kesahihan, atau kecukupan dokumen yang diberi kepada kami atau untuk kewujudan, sifat, kualiti, keadaan, nilai pembungkusan, atau penghantaran Barangan.

14. Kami akan melindungi anda, koresponden anda, dan agen pada permintaan terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, kos, perbelanjaan, liabiliti dalam apa-apa bentuk, dan kerugian sekarang atau pada masa hadapan yang ditanggung oleh anda atau mana-mana dari mereka, atau oleh seorang agen, pegawai, atau kakitangan di mana anda atau mereka mungkin bertanggungjawab untuk apa-apa yang berlaku atau yang ditinggalkan berhubung dengan atau timbul daripada pengeluaran dokumen anda kepada kami atau sebaliknya berhubung dengan Barangan.
15. Jika kami tidak membayar wang tersebut pada tarikh matang, kami akan membayar anda (kedua-dua sebelum dan selepas sebarang permintaan atau penghakiman) faedah tambahan pada kadar yang anda tetapkan pada bila-bila masa, melebihi Kadar Tertentu pada wang tersebut dari hari berikutan tarikh matang sehingga tempoh di mana wang tersebut telah diterima sepenuhnya oleh kami.
16. Tiada kegagalan atau penangguhan pada bahagian anda dalam melaksanakan mahupun apa-apa peninggalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa atau remedi yang ditanggung oleh anda untuk sebarang keingkaran pada bahagian anda akan menjejaskan hak, kuasa, atau remedi tersebut, atau diertikan sebagai satu penepian dengannya, atau sebarang persetujuan dalam keingkaran sedemikian.
17. Resit Amanah ini adalah berkekalan walaupun berlakunya kematian, kemufliisan, pembubaran, ketidakupayaan, atau sebarang pertukaran dalam perlembagaan mana-mana pihak di kalangan kami, atau sebarang penyelesaian atau akaun atau perkara lain sekalipun, dan adalah tambahan kepada dan tidak akan menggabungkan atau sebaliknya membawa prejudis atau menjejaskan lien jurubank am anda atau sebarang kontrak atau hak atau remedi lain, atau sebarang jaminan, lien, perjanjian, bil, nota, cagaran, atau sekuriti lain (sama ada diwujudkan oleh simpanan dokumen atau sebaliknya) pada masa kini atau masa hadapan yang dipegang oleh atau tersedia untuk anda, dan tidak akan dalam apa-apa cara membawa sebarang prejudis atau penjejasan selepas itu, atau oleh ketidaksahan dari itu atau oleh anda mengendalikannya, menukarkan, mengeluarkan, mempelbagaikan, atau menahan daripada menyempurnakan atau melaksanakan mana-mana yang sama atau sebarang hak di mana anda mungkin memiliki sekarang atau masa hadapan, atau memberi masa untuk pembayaran atau melengahkan atau mencapai persetujuan dengan mana-mana individu yang bertanggungjawab.
18. Anda diberi kuasa secara muktamad oleh kami pada bila-bila masa selepas ini untuk mendebitkan akaun kami dengan anda dengan amaun terhitung kepada anda bagi wang yang didahulukan serta faedah terakru seterusnya berhubung dengan Barangan, tetapi tiada pendebitan sedemikian akan beroperasi atau mempunyai sebarang kesan sebagai pembayaran atau penyelesaian sebarang jumlah yang didebitkan, melainkan pada tahap yang sama atau sebahagian darinya telah dipenuhi atau diselesaikan terhadap sebarang jumlah dalam kredit dalam akaun tersebut.
19. Kami bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi lain, yang pada tarikh permohonan ini atau pada sebarang tarikh selepas tarikh permohonan ini diperlukan oleh undang-undang untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, berkenaan dengan sebarang wang yang dikenakan atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan Permohonan ini. Apa-apa cukai atau levi lain yang Ditanggung oleh Bank berhubung dengan permohonan ini akan ditanggung dan dicaj kepada kami dan sekiranya Bank melakukan pembayaran bagi pihak kami, kami akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Bank amaun sedemikian yang telah dibayar.
20. Tanpa menjejaskan dan sebagai tambahan kepada sebarang lien am atau hak lain di mana anda sebagai jurubank mungkin miliki atau berhak dari segi undang-undang, anda mempunyai hak berterusan pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa pada budi bicara mutlak anda dan notis terdahulu atau permintaan serta-merta menyelesaikan dan memindah sebarang wang yang kami mungkin miliki dalam semua atau mana-mana akaun kami dengan anda (sama ada deposit semasa atau sebarang bentuk apa sekalipun sama ada tertakluk pada notis atau sebaliknya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau mana-mana mata wang lain) di mana sekali ia ditempatkan, dan menggunakan yang sama dalam atau terhadap penyelesaian liabiliti kami di sini. Bagi tujuan ini, anda boleh melaksanakan kombinasi atau gabungan akaun tersebut di mana anda menganggap sesuai. Jika mana-mana akaun dalam kredit dinyatakan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, anda boleh menukarkannya kepada Ringgit Malaysia pada kadar semasa anda untuk pembelian atau pertukaran mata wang tersebut.
21. Sebarang notis permintaan oleh anda boleh dilakukan secara bertulis dengan meminta pembayaran dalam tempoh tujuh hari dari tarikh permintaan, dan permintaan tersebut mesti ditandatangani bagi pihak anda oleh Pengurus anda atau mana-mana pegawai lain anda atau mana-mana peguam cara atau firma peguam cara yang bertindak bagi pihak anda. Notis tersebut akan dianggap dihantar kepada kami jika ia dihantar melalui pos biasa kepada alamat biasa atau alamat terakhir perniagaan kami selepas 48 jam pengiriman walaupun ia tidak dihantar atau dipulangkan tanpa dihantar. Dalam membuktikan perkhidmatan tersebut, ia adalah mencukupi jika anda membuktikan bahawa notis tersebut dialamatkan dengan betul dan diposkan.
22. Jika ditandatangani oleh sebuah firma, Resit Amanah ini akan mengikat semua individu dari masa ke semasa yang menjalankan perniagaan dalam nama firma tersebut, atau di bawah nama di mana perniagaan tersebut mungkin diteruskan dari masa ke semasa, walaupun berlakunya persaraan atau kematian mana-mana rakan kongsi atau pengenalan mana-mana rakan kongsi selanjutnya.
23. Jika Resit Amanah ditandatangani oleh dua atau lebih individu, semua pengaturan, tanggungjawab, waranti, dan liabiliti yang terkandung di sini atau tersirat pada bahagiannya adalah bersama dan berasingan dan akan diertikan sewajarnya. Dalam Resit Amanah ini, rujukan untuk kata nama majmuk termasuk mufrad di mana sesuai, dan sebaliknya.
24. Resit Amanah ini adalah dikawal dan ditafsirkan dari semua segi mengikut undang-undang Malaysia, dan kami dengan ini menyerah secara muktamad kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia, tetapi Resit Amanah ini boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa mahkamah yang cekap.
25. Bank tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang permohonan atau arahan yang mungkin pada pendapat Bank, bertentangan dengan sebarang undang-undang, peraturan, arahan, sekatan, atau permintaan sebarang bidang kuasa, atau jika Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk percaya terdapatnya pelanggaran peraturan keselamatan, penipuan, tindakan jenayah, kesalahan atau pelanggaran sebarang undang-undang atau peraturan telah berlaku, atau akan berlaku. Bank tidak perlu mendedahkan sebarang maklumat yang timbul akibat dari ini kepada kami, dan Bank boleh melakukan sebarang tindakan yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang, peraturan, arahan, sekatan, atau permintaan, DAN tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang di tanggung atau dialami akibat darinya.

Bertarikh pada _____ hari _____

DITANDATANGANI OLEH)
)
)
 untuk dan bagi pihak)
)
)